

07 NOV 1996

Ting-Periksa

PIHAK BERKUASA TEMPATAN PERLU ADAKAN PEMERIKSAAN MENGEJUT

SITIAWAN, 7 Nov (Bernama) -- Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata kekurangan kakitangan bukan alasan bagi pihak berkuasa tempatan untuk tidak mengadakan pemeriksaan mengejut di kawasan mereka.

Walaupun kebanyakan kerajaan tempatan kekurangan tenaga kerja, pemeriksaan mengejut masih perlu diadakan bagi memastikan projek pembangunan dan aktiviti pengubahsuaian dilaksanakan mengikut peraturan, katanya.

"Aktiviti seperti ini perlu diawasi bagi memastikan ia tidak membahayakan nyawa," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan sambutan ulang tahun ke-42 Pertubuhan Manjung Ku Tian di Air Tawar di sini malam tadi.

Dengan pengawasan yang tetap, pihak berkuasa tempatan boleh mengeluarkan arahan pemberhentian kerja jika perlu, kata beliau.

Bagaimanapun, beliau menyeru orang ramai supaya mematuhi peraturan apabila menjalankan apa-apa projek atau pengubahsuaian terhadap premis mereka.

Beliau merujuk kepada kejadian apabila keretakan dilaporkan berlaku pada bangunan ekoran pembangunan di kawasan bersebelahan dan pengubahsuaian bangunan secara haram.

Mengenai projek taman bercahaya negara, beliau mahu pihak berkuasa tempatan membantu bagi mengenal pasti syarikat yang boleh mengambil bahagian dalam program itu.

Mengikut program itu yang dijangka dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tahun depan, sektor swasta perlu membantu daripada segi kewangan bagi memasang lebih banyak tiang lampu dan membayar bil elektrik bagi lampu jalan.

Banyak pelawat asing telah memuji Kuala Lumpur kerana kecantikannya dan kerajaan berharap pihak berkuasa tempatan akan memastikan kawasan mereka cantik dan bersih, katanya. -- BERNAMA

HK NHD NMO